

21 FEB 2000

MAHATHIR-PERSAINGAN

TERUS KOMPETITIF UNTUK MAJU, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 21 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia perlu memiliki kelebihan persaingan berasaskan teknologi maklumat (IT) dan produktiviti bagi menjamin kejayaan di bidang perindustrian dan perdagangan.

Katanya kelebihan perbandingan yang berasaskan input atau sumber semulajadi semata-mata bukanlah menjadi pra-syarat terhadap kejayaan di bidang perindustrian dan perdagangan.

"Faktor yang lebih penting ialah kebolehan dan kecekapan negara menggembleng input dan sumber daripada berbagai-bagai punca dan mengeluarkan barangan dengan cara yang paling kompetitif," kata Perdana Menteri di majlis penyampaian Anugerah Kecemerlangan Industri di sini malam ini.

Perdana Menteri juga berkata antara aspek penting yang perlu diberi perhatian dalam usaha mencapai kecemerlangan organisasi ialah kesesuaian dan kebolehan tenaga kerja.

Setiap organisasi perlu menentukan bahawa tenaga kerjanya berpengetahuan, berkemahiran, cekap dan berdedikasi dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab.

"Peluang perlulah diberi kepada mereka untuk melengkap dan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran yang mereka sedia miliki atau memperolehi pengetahuan dan kemahiran baru yang diperlukan untuk meningkatkan pencapaian kecemerlangan organisasi," katanya.

Antara kemahiran dan kepakaran baru yang diperlukan oleh industri termasuklah merekabentuk barangan dan proses, membangun dan mengurus IT pemasaran dan perancangan strategik.

Dr Mahathir berkata bahawa proses memperlengkapkan diri dan memperbaiki pencapaian perlu dilakukan sepanjang masa serta melibatkan seluruh anggota organisasi.

Menyentuh aspek perkembangan IT, Perdana Menteri berkata pendekatan "tunggu dan lihat" tidak boleh diamalkan untuk mengelakkan diri daripada tercicir ke belakang.

"Sekiranya pengusaha-pengusaha hanya melihat syarikat asing menceburkan diri dalam e-dagang, yang dijangka akan berkembang pesat, mereka sendiri akan kehilangan pelanggan dan pasaran.

"Kita perlu bersedia menanggung risiko dan bersama-sama melibatkan diri dalam arena persaingan baru tersebut," kata Perdana Menteri.

Mengenai usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D) pula, Dr Mahathir berikata ia merupakan elemen penting bagi industri memperbaiki keluaran yang sedia ada serta memperkenalkan produk baru yang lebih berdaya saing di pasaran.

Berbanding dengan negara-negara maju, katanya, perbelanjaan Malaysia ke atas R&D adalah amat rendah, iaitu cuma 0.3 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Syarikat-syarikat tempatan masih jauh ketinggalan di dalam usaha untuk mempertingkatkan R&D dalaman dan terlalu bergantung kepada pemindahan teknologi dari luar, katanya.

"Adalah menjadi tanggungjawab syarikat-syarikat pengeluar Malaysia untuk turut memberi tumpuan di dalam pembangunan R&D, supaya kita dapat mengekal dan mempertingkatkan daya saing keluaran tempatan di pasaran tempatan dan antarabangsa," tambahnya.

Mengenai menembusi dan menguasai pasaran, Dr Mahathir berpendapat

bahawa kebanyakan pengeluar Malaysia lebih tertumpu kepada kegiatan pengilangan secara kontrak.

Pendekatan ini, katanya, tidak menjamin pengekalan dan perluasan pasaran dalam jangka panjang, malahan pengeluar kontrak akan selamanya bergantung kepada pengeluar utama yang boleh menamatkan kontrak pada bila-bila masa.

Oleh itu katanya, sudah tiba masanya bagi pengeluar Malaysia merangka strategi jangka pendek dan panjang untuk mengeluarkan dan memasarkan barangan keluaran sendiri.

"Menang disadari dan diakui bahawa mewujudkan dan mempromosikan barangan jenama sendiri bukanlah sesuatu yang mudah. Tetapi ia tidak mustahil," kata Perdana Menteri.

Untuk meyakinkan bakal pengguna mengenai mutu barangan jenama Malaysia, Dr Mahathir mencadangkan supaya pengeluar mendapatkan pengiktirafan piawaian antarabangsa.

Pengeluar dan pengeksport juga perlu mengangap usaha yang dilakukan untuk mempromosi barangan jenama Malaysia sebagai pelaburan jangka panjang.

"Mereka perlu bersedia memperuntukkan sumber, pemikiran dan tenaga, bersama dengan agensi sokongan awam dan swasta, seperti Perbadanan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) dan persatuan industri, dalam merangka dan melaksanakan strategi yang bersesuaian untuk menghasilkan barangan jenama Malaysia yang diterima dan diiktiraf oleh pasaran antarabangsa," kata Dr Mahathir.

Sementara itu, di majlis penyampaian Anugerah Kecemerlangan Industri, beberapa syarikat telah menerima anugerahkan dalam pelbagai kategori seperti Keluaran, Dagangan, Perkhidmatan dan Pengurusan Kualiti.

Bagi anugerah Kecemerlangan Industri (Keluaran), tiga syarikat telah dipilih, iaitu Professional Golf Company Sdn Bhd, UPHA Group of Companies dan Britannia Brand (M) Sdn Bhd.

Tiga lagi syarikat mendapat anugerah khas Kecemerlangan Keluaran (Keluaran Inovatif Pembangunan Jenama Malaysia) -- Hydropot First - Technology Sdn Bhd dan Adabi Consumer Industries Sdn Bhd, Acson Malaysia Sales & Services Sdn Bhd dan Silverstone Bhd.

Decorplus Sdn Bhd dan Sharp Electronic (M) Sdn Bhd masing-masing menerima anugerah rekabentuk tempatan dan rekabentuk terbuka.

S.G.G. Furniture Sdn Bhd, BSA Manufacturing Sdn Bhd, Leader Cable Industry Sdn Bhd dan S.M. Chemical Sdn Bhd menerima Anugerah Kecemerlangan Industri (Dagangan).

Anugerah Kecemerlangan Industri (Perkhidmatan) pula dimenangi oleh Technip Geoproduction (M) Sdn Bhd dan Henry Goh & Co Sdn Bhd.

Manakala Anugerah Kecemerlangan Industri (Pengurusan Kualiti) dimenangi oleh Ipoh Specialist Centre Medical Associates Sdn Bhd, Perusahaan Automobil Nasional Bhd dan Advanced Micro Devices Export Sdn Bhd sementara Anugerah Khas (Indstri Kecil dan Sederhana) dimenangi oleh Unilon Packaging Sdn Bhd.

-- BERNAMA

ZMY MA